

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG PROF. DR. KHAIRUDDIN AB HAMID**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**  
**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN FORUM KEPUSTAKAWANAN 2010:**  
**MEMACU TRANSFORMASI, PENGGUNA DIDAHULUKAN**  
**KECEMERLANGAN DIUTAMAKAN**

**DI AUDITORIUM PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK,**  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Salam 1 Malaysia

Yang Berusaha Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan, Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS

Yang dihormati,

Timbalan-Timbalan Naib Canselor,

En Amir Hussain, Ketua Pustakawan UPM merangkap Pengerusi Persidangan Perpustakaan Universiti & Negara (PERPUN) & Majlis Ketua-Ketua Pustakawan IPTA

Pegawai-Pegawai Pengurusan Utama Universiti & Perpustakaan Awam Seluruh Malaysia

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis Forum Kepustakawanan pada pagi yang berbahagia ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak PKMA kerana telah mengundang saya untuk merasmikan Program Forum Kepustakawanan yang bertema “Memacu Transformasi, Pengguna didahulukan, Kecemerlangan diutamakan” .

Saya percaya penganjuran forum kepustakawanan seumpama ini menjadi satu platform yang signifikan kepada para peserta kerana ia akan mengupas dan memberi perspektif baru dalam dunia kepustakawanan. Gabungan atau kolaborasi para pembentang kertas kerja dan peserta dari seluruh negara pasti akan membuahkan hasil yang jitu untuk dimanfaatkan oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia.

Sidang hadirin sekalian,

Jika kita takrifkan Transformasi, Transformasi merupakan perubahan yang bersifat struktural, secara bertahap, total, dan tidak boleh dikembalikan lagi ke bentuk semula (*irreversible*). Manakala 'Pengguna Didahulukan' merupakan penjenamaan semula dalam sistem pengurusan kualiti di mana Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) telah mengiktiraf 'pengguna atau pelanggan sebagai raja' dan 'pelanggan sentiasa benar'. Oleh itu pengguna perlu dilayan sebaik-baiknya dan kepuasan pengguna merupakan indikator kecemerlangan sesebuah organisasi.

'Kecemerlangan Diutamakan' pula adalah ungkapan yang sering diucapkan bagi merujuk kepada tahap pencapaian yang tertinggi. Dalam konteks ini, kecemerlangan bermaksud kualiti perkhidmatan. Apabila input dan prosesnya berkualiti, maka akan dapat memberikan jaminan kualiti atas perkhidmatan yang disediakan.

Selaras dengan agenda transformasi kerajaan untuk meningkatkan imej perkhidmatan awam di mata rakyat, selain memacu negara menjadi sebuah negara maju, perpustakaan juga banyak memainkan peranannya.

Seperti yang kita sedia maklum, kebanyakan perpustakaan di Malaysia kini telah banyak melakukan transformasi iaitu dari segi fungsi dan juga kemudahan.

## **TRANSFORMASI FUNGSI**

Dari segi fungsi, perpustakaan kini giat berusaha dalam menambah nilai pada maklumat dan juga pada perpustakaan itu sendiri, melalui *streamlining*, *expansion*, dan inovasi sebagai contoh perpustakaan kini mempunyai:

### ***One-stop service: multi-functional librarians serving multi-tasking customers***

Dalam hal ini, ICT membolehkan pustakawan dan pengguna untuk melakukan *multi-tasking* di komputer yang sama. Fungsi tradisional perpustakaan (iaitu, perolehan, pengkelasan dan pemprosesan, dan penyebaran maklumat) dapat dilakukan melalui satu komputer, dan dengan prosedur yang jauh lebih pendek dibandingkan dengan kalau ianya dilakukan secara manual. Seorang pustakawan boleh melakukan pencarian maklumat di dalam dan luar perpustakaan tempat ia bekerja, mengolah maklumat yang diperolehi, dan menyampaikan kepada pemohon, tanpa perlu berpindah komputer apa lagi melakukan perjalanan ke luar perpustakaan. Pengguna juga boleh menempatkan hasil karya/tulisan ke pangkalan data perpustakaan (Digital Library) supaya bahan tersebut boleh dimanfaatkan oleh para pengguna lain.

### **Menyediakan Koleksi dan capaian maklumat dan pengetahuan dalam pelbagai format**

Seperti yang kita ketahui, maklumat kini disediakan dalam pelbagai bentuk dan sumber. Di samping bahan cetakan, ada bahan multi-media, digital, hypertext, dsb. Perpustakaan kini giat menyediakan akses ke semua sumber tersebut, termasuk juga mengadakan sesi

demo/latihan secara formal dan tidak formal dalam menggunakan sumber-sumber tersebut.

### **Menambah nilai pada maklumat (*adding value*)**

Keperluan maklumat mempunyai konteks. Nilai sesuatu maklumat bergantung kepada kebolehpercayaan sumbernya dan juga sejauh mana maklumat yang disediakan itu sesuai dengan konteks seorang pengguna. Penyediaan akses maklumat yang disesuaikan dengan konteks dapat dilakukan melalui perkhidmatan *personalised library consultation* berdasarkan profil pengguna dan maklumat tentang tahap dan jadual aktiviti pengguna tersebut. Perpustakaan juga giat menyediakan gerbang atau pintu masuk ke sumber-sumber yang sudah dipilih oleh perpustakaan seperti *virtual libraries, subject-based gateways*).

Nilai maklumat juga meningkat bila diberikan pada waktu yang tepat, dan dapat digunakan dengan mudah.

### **Memberi perkhidmatan 24 jam atas talian**

Keujudan perpustakaan digital dan Internet kini membolehkan perpustakaan diakses dan digunakan tanpa had waktu dan jarak.

### **Pengurusan Ilmu**

Kitaran pengetahuan meliputi penciptaan, merekod dan mengorganisasi, penyebaran dan akses, penggunaan, dan diteruskan dengan penciptaan semula pengetahuan tersebut. Jika sebelum ini, perpustakaan lebih banyak memberi fokus kepada mengorganisasi (kataloging, dsb.) dan penyebaran maklumat (termasuk pencarian maklumat) kini perpustakaan lebih bertindak sebagai fasilitator dengan melibatkan diri secara lebih aktif dalam pengurusan pengetahuan penggunanya melalui penyediaan kemudahan yang dapat membantu pengguna untuk melakukan *e-publishing*, perkongsian maklumat dan menyiapkan hasil penulisan dalam pelbagai format.

### **Meningkatkan Kemahiran dan Literasi Maklumat**

Dengan pesatnya kemajuan ICT, perpustakaan juga giat menyediakan latihan *on site*, atas talian, maupun *offline* supaya pengguna boleh meningkatkan penguasaan dalam ICT dan kemampuan mereka untuk mengakses (secara fizikal dan intelektual), memilih, serta mengeksploitasi maklumat yang diperolehi.

### **TRANSFORMASI KEMUDAHAN**

Perpustakaan kini mengembangkan kemudahan perpustakaan digital kepada pengguna antara nya dengan:

1. menjadi media penghubung kepada para pengguna yang bekerja dengan topik yang sama atau serupa
2. menghubungkan pengguna dengan maklumat, yang terdapat di dalam dan luar kampus
3. merakam (*capture*) sesi dan hasil perjumpaan (termasuk mesyuarat, seminar, kuliah, dsb.)
4. membantu penerbitan dalam pelbagai format (contoh, *software* untuk *video editing, web development*, dsb.)

5. mengubal modul-modul untuk latihan kemahiran maklumat secara *on-line* maupun *offline*

### **TRANSFORMASI PUSTAKAWAN**

Sebenarnya yang paling diperlukan dan yang harus pertama kali melakukan transformasi dalam era globalisasi ini adalah para pustakawan sendiri. Menambah nilai, pengurusan ilmu, kemahiran dan literasi maklumat, *multi-tasking* ; semuanya ini memerlukan kemampuan yang lebih dari sekadar pengetahuan asas dan ketrampilan dalam bidang kepustakawanan. Apa yang amat diperlukan adalah kemampuan seseorang pustakawan itu untuk melihat dan memanfaatkan (dengan tepatnya *synergies*) pelbagai potensi IT dengan sumber maklumat untuk meningkatkan sebanyak mungkin kuantiti dan kualiti kitaran ilmu pengetahuan.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, perpustakaan sebagai nadi dan jentera sesebuah universiti, memainkan peranan yang sangat besar dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan melalui transformasi fungsi dan kemudahan yakni mendahulukan pengguna dan mengutamakan kecemerlangan demi memenuhi aspirasi Negara.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur atas dedikasi dan kesungguhan menjayakan forum pada hari ini. Saya berharap kita akan dapat meneruskan lagi iltizam dan komitmen kita untuk menambah nilai dalam memartabatkan bidang kepustakawanan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, dengan lafaz Bismilahirahminirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **FORUM KEPUSTAKAWANAN 2010: MEMACU TRANSFORMASI, PENGGUNA DIDAHULUKAN KECEMERLANGAN DIUTAMAKAN DI AUDITORIUM PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK, UNIMAS**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Sekian terima kasih.**